

# Taib dijangka umum tarikh bubar DUN Sarawak hari ini

UM 3<sup>00</sup> SEP 2001

KUCHING 2 Sept. Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dijangka mengumumkan tarikh pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) pada sidang akhbar esok, sejurus selepas beliau menemui Yang Dipertua Negeri, Tun Abang Mohamad Salahuddin.

Abdul Taib dijadual mengadakan sidang akhbar di pejabatnya di Wisma Bapa Malaysia di sini pada pukul 11 pagi.

Sebelum itu, pertemuan

yang dijadual berlangsung di kediaman rasmi Yang Dipertua Negeri di Astana di sini, bertujuan mendapatkan tandatangan watak pembubaran DUN.

Pada sidang akhbar di sini Khamis lalu, Abdul Taib berkata, pertemuan tersebut bagi mendapatkan persetujuan Abang Mohammad bagi tarikh pembubaran DUN, sekali gus membuka laluan pilihan raya negeri kelapan diadakan.

Tempoh DUN Sarawak

akan berakhir pada 18 November ini.

Beliau juga telah menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) minggu lalu untuk mendapatkan persetujuan senarai calon BN yang bakal diumumkan sehari dua sebelum hari penamaan calon.

Sementara itu Pegawai Pilihan Raya Negeri, Wan Alwi Wan Hashim berkata, pihaknya akan mengadakan

mesyuarat penetapan tarikh penamaan calon dan hari mengundi, seminggu selepas menerima surat rasmi pembubaran DUN.

Pada pilihan raya ini, sebanyak 62 kerusi akan dipertandingkan.

Pada pilihan raya lalu, BN Sarawak memperoleh kemenangan di 58 kerusi termasuk 19 kerusi tanpa bertanding manakala Bebas (3) dan DAP (1).

Bagi pilihan raya negeri ketujuh, DUN Sarawak te-

lah dibubarkan pada 15 Ogos 1996.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang bermesyuarat pada 19 Ogos 1996 telah mengeluarkan writ-writ pilihan raya kepada semua pegawai pengurus serta ahli DUN pada keesokan harinya danewartakan notis pilihan raya pada hari yang sama.

SPR juga telah menetapkan tarikh penamaan calon pada 27 Ogos 1996 diikuti dengan hari mengundi pada 7 dan 8 September.